

Menunggu filem Islamik mampu dibanggakan



**PENA
KAMPUS**

Oleh Huzaifah Abd Jamil

Kali pertama mendengar lirik lagu nyanyian penyanyi genre hip-hop terkenal tanah air tidak lama dulu, penulis kagum dengan kesungguhan 'dua budak bijak' ini mengharungi dunia muzik penuh warna-warni. Muzik video lagu ini yang dimuat naik di laman YouTube adalah satu hadiah penghargaan daripada seorang sahabat kepada pasangan duetnya, yang kini masing-masing bergerak secara solo.

Too Phat, sebuah kumpulan rap yang pernah menggegarkan dunia seni muzik tanah air dari 1996 hingga 2006. Kumpulan yang diterajui Malique Ibrahim dan Johan Ishak atau Joe Flizzow berjaya menghasilkan lebih lima album.

Lirik lagu 'Apa Khabar' ciptaan Joe Flizzow menerusi gandingan mantap bersama SoNaOne bukan sekadar mengejar hit pendengar muzik tempatan bahkan lebih kepada kerinduan dan harapan untuk sekali lagi bergandingan dengan Malique.

'Apa Khabar' mengingatkan jerih-payah sebuah kumpulan hip-hop dalam menempuh industri hiburan tempatan yang penuh dengan peraturan dan undang-undang.

Jika dilihat secara kasar, dunia industri memang penuh dengan peraturan yang perlu dipenuhi seseorang individu atau sesebuah kumpulan sebelum layak dipanggil penggiat seni.

Bagi penulis, penonjolan industri perfileman melalui penghasilan filem tempatan pelbagai genre sama rata dengan perkembangan industri muzik. Berdasarkan statistik jumlah penghasilan filem dan kutipan kasar yang dikeluarkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasio-

nal Malaysia (FINAS) pada 2013, 71 filem dihasilkan dengan kutipan RM85.34 juta.

Trend filem genre Islamik

'Syukur 21' terbitan Metrowealth Movie Production arahan Eddie Pak bersama-sama Abu Bakar dan Nazrey dari kumpulan Raihan adalah filem Islamik pertama Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2000.

Lakonan pertama Raihan bersama Mustapha Kamal dan Yassin (Brothers) walaupun kurang mendapat sambutan awalnya, mengungguli anugerah 'Skor Muzik Terbaik' dan 'Anugerah Khas Juri' di Festival Filem Malaysia ke-15 di Shah Alam.

Bermula dari itu, pengarah filem berkonsepkan Islam semakin berkembang antaranya 'Syurga Cinta', 'Nur Kasih The Movie', dan '99 Kali Rindu'. Pembikinan filem berbentuk seperti ini walaupun dikatakan masih jauh dibandingkan dengan negara jiran terdekat kita, Indonesia, ia suatu perkembangan yang baik bagi filem genre Islam.

Metrowealth Movie Production, antara syarikat penerbitan filem gergasi di Malaysia apabila penerajunya David Teo mampu menghasilkan lebih 50 filem Melayu sejak 2000. Filem Melayu itu ada yang berunsur dakwah seperti '7 Petala Cinta', 'Salam Cinta', dan 'Dua Kalimah'.

Keberanian David Teo dalam industri penerbitan filem berunsurkan dakwah ini mendapat pujian dalam sebuah artikel di laman web 'Free Malaysia Today' pada 2013.

Sayangnya, penerbit yang menghasilkan dan menerbitkan filem dakwah ini bukan beragama Islam. Oleh sebab itu, masih terdapat kelompangan dalam sesetengah babak yang tidak menunjukkan etika dan budaya sebenar masyarakat Islam. Contohnya, '7 Petala Cinta', hubungan antara lelaki dan perempuan Muslim yang bertunang ditunjukkan seolah-olah mempunyai ikatan suami isteri yang sah

di sisi Islam, boleh bergelak ketawa dan bertepuk-tampar di pesi siran pantai.

Perkara itu menyalahi penerapan nilai murni seorang Muslim. Seseorang penerbit seharusnya menyemak jalan penceritaan dan merujuk kepada beberapa pakar apabila ia melibatkan agama. Persoalannya, ke manakah menghilangnya penerbit beragama Islam?

Islam dan filem

Kumpulan Raihan pernah mengalunkan bait lagu ini: 'Berhibur tiada salahnya kerna hiburan itu indah, hanya apabila salah memilihnya membuat kita jadi bersalah.'

Filem juga sebahagian daripada hiburan. Filem berbentuk Islamik boleh mendapat kutipan 'box office' seperti di Indonesia asalkan menjaga batas syariat Islam.

Pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Mohd Shukri Hanapi berpendapat penerbit dan pengeluar filem khususnya di Malaysia, sepatutnya menerapkan nilai dakwah dan cara hidup Islam di samping berfikir secara kreatif dan bijak.

Janganlah genre ustaz ustazah ini sekadar digunakan untuk 'menghalau' makhluk halus, membaca doa, imam solat atau menangkap orang berkhalwat.

Pengkarya terutama dalam kalangan penulis skrip yang fahaman dan pemikirannya yang tajam dalam bidang berkaitan agama sesungguhnya amat diperlukan untuk menerajui industri filem Islami tempatan dan permulaannya adalah sekarang.

Jika perangkaan ini tidak dilakukan sekarang, filem genre Islam di Malaysia masih di dunia fantasi dan bukan realiti.

● Penulis penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.